

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(A)21**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN  
YB. NOR HAFIZAH BINTI OTHMAN**

21. Pelaksanaan Projek-projek Mega.

- (a) Apakah pandangan Kerajaan Negeri dalam mendepani situasi negara yang sedang memerangi isu penularan COVID-19?
- (b) Adakah Kerajaan Negeri masih berpandangan untuk meneruskan projek-projek mega dalam Negeri Pulau Pinang walaupun suasana semasa amat mendesak kepada keperluan kewangan untuk diberi keutamaan kepada keselamatan dan kesihatan rakyat. Jelaskan justifikasi/rasionalisasinya.

**JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI**

21. (a) Isu penularan COVID-19 adalah sesuatu yang tidak dijangka dan ianya telah menjadi satu pandemik di seluruh dunia. Dalam hal ini, Kerajaan Negeri berpandangan semua pihak di pelbagai peringkat perlu bekerjasama dan berganding bahu dalam memerangi isu penularan wabak ini. Kerajaan Negeri membantu rakyat dengan mengumumkan Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang dan dalam masa yang sama

rakyat perlu mematuhi arahan pihak berkuasa semasa penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi memutuskan rantaian wabak COVID-19. Sekiranya wabak ini tidak dapat dibendung, ianya akan terus menjejaskan ekonomi negeri dan negara.

- (b) Kerajaan Negeri komited untuk meneruskan projek-projek mega dalam negeri yang merupakan sebahagian daripada Projek Transformasi Negeri Pulau Pinang. Tujuan utama pelaksanaan projek ini adalah untuk menjana ekonomi yang lebih pesat dan menyediakan rangkaian sistem pengangkutan yang lebih efektif selari dengan pembangunan yang mampan untuk masa hadapan.

Namun demikian, Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan pelaksanaan projek-projek mega secara berperingkat mengikut keutamaan. Kerajaan Negeri berpandangan ekonomi Pulau Pinang perlu dipulihkan selepas wabak COVID-19 berjaya ditangani. Justeru, pemangkin ekonomi negeri melalui projek-projek mega diperlukan bagi menggalakkan pertumbuhan kepada sektor-sektor ekonomi negeri. Hasil pelaksanaan projek-projek mega akan turut

membawa kesejahteraan yang bakal dikongsi bersama dengan penduduk Pulau Pinang.